

Dr. M tumpuan media

20



27 NOV 1993

PERDANA Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad banyak mendapat perhatian media Australia berhubung Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang diadakan di Seattle.

Akhbar *Age* menulis satu rencana lengkap mengenai Dr. Mahathir, di mana akhbar itu bertanya-tanya kenapa Dr. Mahathir begitu tidak sukakan Australia.

Wakil luar akhbar yang berpusat di Melbourne itu membuat psikoanalisis amatir mengenai kenapa Dr. Mahathir mengamal dasar-dasarnya di samping menggunakan kenyataan-kenyataan yang perolehi daripada Tengku Razaleigh dan Karpal Singh.

Kenyataan umum dan komen-komen lain tidak mempunyai sumber tertentu, tetapi diletakkan di bawah kategori khabar-khabar angin' dan 'perbualan kecil'.

Sebuah akhbar lain mengulas bahawa di saat pemimpin-pemimpin Asia-Pasifik berada di Seattle, Dr. Mahathir "sedang merajuk" di rumah.

Bagaimanapun orang Islam Australia muncul menyokong Dr. Mahathir menerusi ruang pengarang akhbar *Australasian Muslim Times*.

Ia memulakan ruangan pengarangnya dengan berkata, arus media utama Australia, mengikut *standard* negara-negara maju, mendidik para pembacanya bahawa mesyuarat APEC di Seattle amat penting.

Menurut akhbar itu, negara-negara maju menganggap diri mereka lebih baik dan membuat keputusan-keputusan untuk kepentingan mereka sendiri dengan mengorbankan negara-negara membangun.

Ia menambah: "Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia, bersikap wajar dalam meyakinkan dunia bahawa APEC, daripada disamakan dengan masyarakat Eropah atau dijadikan sebarang gabungan perdagangan bebas, patut menumpukan kepada projek-projek yang memberi kepentingan kepada anggota-anggotanya secara umum, dan terutamanya kepada negara-negara membangun."

Ia seterusnya menasihatkan Australia supaya tidak

menjadi konco negara-negara maju Barat tetapi membantu Asia menyingkirkan ketidakseimbangan antara Timur dan Barat.

Ruangan Pengarang itu menyambung dengan berkata, "Malaysia tidak patut dicerca tetapi dihargai kerana hasratnya 'untuk menjadikan ia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dan membuktikan bahawa negara-negara Islam tidak semestinya mundur dan lemah' seperti apa yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir."

"Arus media, dalam cara biasanya, mengulangi kesilapan mensensasikan cara ia menyiarkan kenyataan-kenyataan Mahathir. Tindakan yang tidak beretika dan tidak adil itu boleh meneruskan salah faham dan kebencian terhadap Islam dan orang Islam.

Ubat kebangkitan

"Histeria pihak media terhadap Islam dan orang Islam di bawah tunjuk-ajar negara Barat, bagaimanapun berfungsi sebagai ubat kebangkitan dan penyatuan orang Islam di bawah agama Islam."

Seorang daripada "pakar-pakar Asia" yang terkemuka di Australia baru-baru ini mengecam institusi-institusi perniagaan dan pendidikan Australia kerana terlalu tamak dalam urusan mereka dengan Asia.

Dr. Stephen Fitzgerald, Setiausaha Agung Institut Asia-

Australia dalam ucapannya di Pusat Etika St. James di Sydney berkata, perniagaan Australia mempunyai sikap "jangka pendek, pulangan cepat dan keuntungan yang banyak."

Beliau menambah: "Masalah sebenarnya ialah kebanyakan rakyat Australia nampaknya tidak banyak mempunyai kesedaran terhadap isu-isu etika."

Dr. Fitzgerald seterusnya berkata bahawa institusi-institusi Australia pergi ke Asia kerana wang. "Serbuan itu dibuat oleh mereka yang tidak mempunyai pengetahuan atau minat intelektual terhadap masyarakat-masyarakat yang mereka lawati," tambahnya.

"Mereka kemudiannya mewujudkan reputasi universiti-universiti Australia sebagai pendidikan petualang, pisau cukur dan mata duitan, satu reputasi yang hanya dapat dikawal dengan penuh kesukaran pada penghujung dekad ini."

Beliau menyambung, sistem pendidikan Australia ditujukan kepada golongan umum yang paling rendah dan ini mengakibatkan "kajian mendalam ke atas masyarakat-masyarakat Asia dielakkan."

Katanya, kekurangan pengetahuan dan kefahaman mengenai budaya Asia ini akan menyukarkan generasi masa depan "membawa Australia memasuki hubungan baru dan intim" dengan budaya-budaya Asia.

Dr. Fitzgerald memberitahu pendengar-pendengarnya bahawa isu etika yang penting untuk Australia — untuk *survival* dan pengukuhan masyarakat Australia seperti yang kita kenali sekarang — bukan Asia-Pasifik, tetapi Asia.

Bagaimanapun, syarikat-syarikat terkemuka Australia sejak itu menyangkal komen-komen Dr. Fitzgerald mengenai etika dan motif mereka ke Asia, dan menegaskan bahawa syarikat-syarikat besar mempunyai komitmen jangka panjang di Asia.

Mereka membayangkan bahawa syarikat-syarikat yang mungkin memberikan gambaran "pisau cukur" itu ialah syarikat-syarikat perusahaan yang mengejar kontrak-kontrak segera, biasanya selepas memasuki Asia buat kali pertama.

Kebanyakan ahli-ahli perniagaan terkemuka yang mempertahankan syarikat-syarikat mereka di negara-negara Asia membayangkan tentang dua jenis perniagaan Australia yang memasuki Asia, syarikat-syarikat matang dan beretika yang mempunyai komitmen jangka panjang dengan Asia, dan syarikat-syarikat kecil dengan sikap-sikap yang terpesong. — *Utusan*.